

Masalah Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah , Daerah Kota Tinggi, Johor.

Mohd Rizal B. Mohd Said & Muallimah Bt Arshad

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji masalah-masalah yang di hadapi oleh guru-guru Pendidikan Khas program Integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran hidup. Soal selidik di gunakan sebagai instrumen kajian yang diedarkan kepada sampel yang terdiri daripada sejumlah 33 orang guru yang mengajar di 13 buah sekolah menengah harian biasa, Daerah Kota Tinggi, Johor. Analisis kajian di buat berdasarkan kekerapan, peratusan dan min dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for The Social Services) versi 12.0. Ujian kebolehppercayaan atau reabiliti analisis telah di jalankan ke atas 10 orang responden yang tidak termasuk dalam sampel kajian dan alpha croanbach yang diperolehi ialah 0.809. Pada keseluruhannya hasil analisis menunjukkan majoriti guru Pendidikan Khas menghadapi permasalahan , terutamanya dalam permasalahan yang berkaitan teori pengajaran dan kemahiran amali, diikuti masalah kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup, kesukaran mendapat kerjasama daripada ibubapa pelajar dan permasalahan yang akhir berkaitan kemudahan fizikal dan bahan pengajaran untuk matapelajaran kemahiran hidup. Beberapa cadangan diberi bagi mengatasi permasalahan yang di hadapi guru-guru ini, supaya dapat meningkatkan lagi prestasi pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas di masa akan datang.

Katakunci : masalah, guru Pendidikan Khas program Integrasi, pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup

Pengenalan

Pendidikan Khas di Negara kita telah berkembang di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia semenjak di tubuhkan pada bulan Oktober 1995 selaras dengan penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia. Jabatan ini bertanggung jawab ke atas hal-hal professional bagi semua program pendidikan khas yang dilaksanakan termasuk program integrasi dan program inklusif (Kementerian, Pendidikan. Malaysia 2004).

Di Malaysia pendidikan khas dalam konteks Kementerian Pelajaran Malaysia, dilaksanakan melalui sekolah khas untuk murid-murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran. Manakala program pendidikan khas integrasi disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pelajaran pembelajaran , pendengaran dan penglihatan. Program tersebut diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik atau vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

Perkhidmatan dan kemudahan pendidikan khas terhadap golongan berkeperluan khas seperti yang dijelaskan di atas adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 1997 Bahagian II 3(2). Akta ini menjelaskan bahawa seseorang murid dengan keperluan khas adalah boleh di didik, jika dia mampu untuk mengurus diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. Seseorang murid dengan keperluan khas itu perlu di sahkan oleh panel yang terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai Kementerian

Pelajaran dan pegawai Jabatan Kebajikan mengikut program pendidikan kebangsaan layak untuk menghadiri program pendidikan khas kecuali murid-murid berikut :

- a) Murid yang cacat anggota tetapi mempunyai kebolehan mental untuk belajar seperti murid biasa; dan
- b) Murid yang mempunyai pelbagai kecacatan atau yang sangat cacat anggotanya atau terencat akal yang berat.

Jadual 1 : Jenis program dan bilangan pelajar dalam pendidikan khas di Malaysia

Jenis Program	Bil. Sekolah Rendah	Bil. Pelajar Menengah	Jumlah
1. Masalah Penglihatan			
a) Sekolah khas	6(234)	1(104)	7(338)
b) Program Integrasi	11(124)	15(201)	26(325)
2. Masalah Pendengaran			
a) Sekolah khas	23(1,713)	2(523)	25(2,236)
b) Program Integrasi	41(448)	39(965)	80(1,413)
3. Masalah Pembelajaran			
a) Sekolah khas	-	-	-
b) Program Integrasi	402(7,437)	160(2,786)	562(10,223)
Jumlah	483(9,956)	217(4,579)	700(14,535)

(Sumber: Jabatan Pendidikan Khas, 2002)

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha agar semua warganegara tanpa mengira latarbelakang akan memperolehi pendidikan asas yang berkualiti. Di antara peluang-peluang pendidikan yang di beri ialah :

- a. Pendidikan khas di sediakan bagi kanak-kanak istimewa termasuklah yang mengalami kecacatan pendengaran; dan
- b. Matapelajaran vokasional disediakan bagi murid yang berminat.

Di samping itu, hasrat pendidikan adalah untuk memberi peluang kepada setiap individu memperkembangkan semua potensi yang mereka miliki. Ia dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan , matlamat dan misi. (Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001)

Pernyataan Masalah

Penyelidik ingin mengenalpasti apakah masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Khas Program Integrasi dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah harian biasa Daerah Kota Tinggi, Johor yang menjalankan Program Integrasi untuk pendidikan khas.

Objektif Kajian

Di akhir kajian, diharapkan penyelidik dapat :

1. Menenalpasti masalah dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran berkaitan teori pengajaran dan kemahiran amali matapelajaran Kemahiran Hidup yang dihadapi oleh guru Pendidikan Khas program integrasi?

2. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi guru-guru pendidikan khas berkaitan kemudahan fizikal dan bahan pengajaran untuk pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di sekolah tersebut?
3. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi guru-guru pendidikan khas program integrasi mengenai pengetahuan dan kemahiran untuk pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Kemahiran Hidup di sekolah tersebut?
4. Mengenalpasti masalah-masalah kesukaran yang dihadapi guru pendidikan khas program integrasi untuk mendapatkan penglibatan dan sokongan daripada ibubapa pelajar pendidikan khas ini?

Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini dapat memberi panduan kepada beberapa pihak seperti :

1. Sumber rujukan kepada guru-guru pelatih serta guru-guru yang baru dilantik untuk mengendalikan kelas Program Integrasi Pendidikan Khas di dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Sumber rujukan kepada pihak-pihak yang memberi latihan seperti Institusi Perguruan, Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pendidikan Khas di dalam merencanakan kursus-kursus yang perlu diwujudkan untuk guru-guru Pendidikan Khas dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru-guru di dalam mencapai matlamat pelaksanaan Program Integrasi Pendidikan Khas.
3. Memberi panduan kepada pihak-pihak terlibat seperti Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam mengenalpasti dan menyiasat bagi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Khas di dalam melaksanakan Program Integrasi di sekolah-sekolah menengah harian biasa

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian yang akan dijalankan adalah berbentuk tinjauan deskriptif iaitu kajian yang menggunakan soal selidik. Kajian deskriptif juga dapat memberikan gambaran dan maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping menerangkan perancangan masa akan datang (Wiersma, 2000). Ia juga merupakan kaedah yang paling popular dikalangan penyelidik. Ini kerana soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data juga senang diproses untuk dianalisa.

Menurut Mitchell (1991), cara soal selidik adalah teknik yang paling sesuai untuk mengumpulkan data dalam kajian yang berbentuk tinjauan. Data yang diperolehi seterusnya akan diproses dan dianalisa. Segala data akan dikumpulkan dan di satukan untuk dianalisis mengikut kaedah likert dari maklumbalas responden. Menurut Gay (1981), kaedah tinjauan dalam pendidikan, deskriptif melibatkan aktiviti pengumpulan maklumat daripada pelajar, guru atau mereka yang terlibat dalam proses pendidikan.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih guru Pendidikan Khas di 13 buah Sekolah Menengah di Daerah Kota Tinggi bagi tahun 2008 sebagai populasi. Seramai 33 guru Pendidikan Khas yang telah melaksanakan Program Integrasi di sekolah yang terpilih telah dijadikan responden untuk kajian ini. Pemilihan guru Pendidikan Khas ini adalah berdasarkan kepada beberapa indikator yang mencakupi:-

1. Mereka terdiri daripada guru Pendidikan Khas dari Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi yang melaksanakan Program Integrasi;
2. Mereka mempunyai pengalaman mengajar pelajar Pendidikan Khas dan mempunyai pengalaman yang berbeza antara satu sama lain; dan 3. Mereka terdiri daripada guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar di dalam kelas Pendidikan Khas program Integrasi.

Berdasarkan kepada ciri-ciri yang dipilih, diharapkan ia dapat mencapai keputusan yang menepati syarat-syarat keperluan tajuk penyelidikan. Berikut adalah data guru Pendidikan Khas yang telah terpilih untuk menjadi responden dalam kajian ini

Jadual 2 : Data Guru-Guru Pendidikan Khas Di Daerah Kota Tinggi, Johor Yang Dijadikan Responden Kajian Penyelidik

BIL	NAMA SEKOLAH	BIL. GURU (RESPONDEN)
1	Sek. Menengah Kebangsaan Taman Seri Saujana	1
2	Sek. Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi	3
3	Sek. Menengah Kebangsaan Kota Jaya	7
4	Sek. Menengah Kebangsaan Bandar Easter	3
5	Sek. Menengah Kebangsaan Lokman Hakim	3
6	Sek. Menengah Kebangsaan Bandar Penawar	3
7	Sek. Menengah Kebangsaan Seri Aman	1
8	Sek. Menengah Kebangsaan Tan Sri Jaafar Albar	2
9	Sek. Menengah Kebangsaan Linggiu	1
10	Sek. Menengah Kebangsaan Bandar Mas	2
11	Sek. Menengah Kebangsaan Adela	3
12	Sek. Menengah Kebangsaan Air Tawar	2
13	Sek. Menengah Kebangsaan Tanjung Datuk	2
Jumlah		33

Sumber : Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi, Johor (2008)

Responden-responden ini dipilih kerana mereka adalah orang-orang yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Program Integrasi di Daerah Kota Tinggi. Pada pandangan pengkaji, sudah tentu mereka dapat memberi maklumat yang sebenar berdasarkan pengalaman-pengalaman mereka berada di kelas integrasi atau melalui pengalaman mereka bergaul dengan pelajar-pelajar khas.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soalselidik. Soal selidik digunakan kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama responden (Tuckmen, 1998). Menurut Gravetter & Wallnau, 2004, kaedah deskriptif adalah satu prosedur atau teknik statistik bertujuan untuk meringkaskan data dalam bentuk yang lebih bermakna. Responden bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal-selidik dan mereka tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Soal selidik mempunyai beberapa kelebihan

dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidikan mendapatkan maklumat. Ia dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu :

Bahagian A : Latar Belakang Guru

Di bahagian ini responden dikehendaki mengisi maklumat biodata diri, pengalaman mengajar, kelulusan ikhtisas, pengkhususan di maktab atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan kehadiran kursus yang pernah diikuti.

Bahagian B : Item Soal Selidik

Skala Likert digunakan dalam Bahagian B. Skala jenis ini digunakan kerana ianya dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap maklumbalas responden. Soalan ini direkabentuk untuk meninjau permasalahan guru pendidikan khas program integrasi. Ini melibatkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran matapelajaran kemahiran hidup di Sekolah Menengah Harian Biasa Daerah Kota Tinggi. Soalan atau pernyataan dibahagikan kepada empat skop kajian, berdasarkan persoalan kajian iaitu berkaitan teori dan kemahiran amali, kemudahan fizikal dan peralatan, pengetahuan dan kemahiran serta sokongan dan penglibatan ibubapa. Pembahagian item mengikut objektif kajian adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3 : Pembahagian Item Mengikut Persoalan Kajian

Persoalan kajian	Bilangan soalan
Berkaitan teori dan kemahiran amali	8
Berkaitan kemudahan fizikal dan peralatan	8
Berkaitan pengetahuan dan kemahiran	8
sokongan serta penglibatan ibubapa	8

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang responden, guru yang mengajar Pendidikan Khas Program Integrasi Bermasalah Pembelajaran di 3 buah sekolah menengah sekitar daerah Johor Bahru sebelum kajian sebenar dijalankan. Tujuan utama pelaksanaan kajian rintis adalah untuk menguji pekali kebolehpercayaan setiap item dalam soal selidik. Menurut Mohd. Najib (1977), instrumen yang direkabentuk oleh pengkaji adalah berbentuk kajian rintis bagi menguji kebolehojektifan, kesahan dan kebolehpercayaan alat.

Melalui kajian rintis, kebolehpercayaan soal selidik dapat ditentukan di mana kebolehpercayaan memberikan darjah ketekalan dan ketetapan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberikan keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi setara. Ujian kebolehpercayaan yang telah dijalankan dengan penggunaan SPSS dan Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.805.

Rumusan Analisis Data

Berdasarkan rumusan analisis di dalam Jadual 4 di bawah, didapati seramai 66.9 % daripada responden bersetuju dengan masalah-masalah guru pendidikan khas dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup yang berkaitan persoalan kajian teori dan kemahiran amali, kemudahan fizikal dan bahan pengajaran, pengetahuan guru dan kemahiran yang diperolehi serta masalah penglibatan dan sokongan ibubapa. Manakala 24.2 % daripada responden mengatakan

tidak setuju bahawa keempat-empat masalah tersebut mempengaruhi guru dan bakinya sebanyak 9.1 % daripada responden memilih tidak pasti.

Dari keputusan yang diperolehi ini, min tertinggi iaitu 4.64 berdasarkan persoalan kajian 3 item 3, yang menyatakan responden amat memerlukan latihan dan bengkel tambahan untuk memajukan diri dalam pengajaran Pendidikan Khas. Pengkaji mendapati latihan dan bengkel tambahan antara masalah utama bagi memperbaiki masalah-masalah yang lain.

Jadual 4 : Rumusan analisis

Persoalan Kajian	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Soalan Kajian 1 : Teori dan Kemahiran Amali	20.1%	7.2 %	72.7 %
Soalan Kajian 2 : Kemudahan Fizikal dan bahan Pengajaran	30.7 %	6.5 %	62.9 %
Soalan Kajian 3 : Pengetahuan dan Kemahiran	21.2 %	7.2 %	71.6 %
Soalan kajian 4 : Penglibatan dan sokongan Ibubapa	24.6%	15.2 %	60.3 %
Jumlah Purata Peratusan	24.2%	9.1 %	66.9 %

Perbincangan

Melalui penganalisan data yang dilakukan, penyelidik mendapati bahawa peratus keseluruhan guru yang menghadapi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran berkaitan teori pengajaran dan kemahiran amali adalah tinggi. Guru perlu berusaha mencuba teknik pengajaran yang baru agar dapat mencapai objektif pengajaran-pembelajaran. Teknik pengajaran yang membolehkan pelajar mengikuti sesuatu pelajaran dengan mudah serta menyeronokkan merupakan teknik yang sangat diharapkan oleh pelajar. Kepelbagaian teknik pengajaran ini boleh memberikan kesan yang positif dalam diri pelajar. Abdul Karim Desa (1994), juga berpendapat bahawa kepelbagaian kaedah pengajaran guru boleh member kesan positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Di dalam Kemahiran Hidup, memahami teori pengajaran merupakan tajuk yang amat penting. Ini adalah kerana kepelbagaian kategori pelajar di dalam kelas serta masalah kesukaran pelajar mengingat teori pengajaran yang telah diajar oleh guru. Oleh itu, guru haruslah memastikan pelajar dapat mengekalkan penumpuan bagi membentuk konsep yang betul. Kefahaman teori yang salah akan terbentuk jika guru sahaja yang bercakap secara kuliah tanpa melibatkan penyertaan pelajar dalam pembelajaran tanpa menggunakan media pengajaran (Abu Zahari, 1987).

Guru juga tidak begitu menghadapi masalah di dalam mendapatkan tumpuan pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran serta di dalam membuat latihan –latihan selepas pengajaran teori. Hal ini mungkin didorong oleh beberapa faktor terutama faktor guru itu sendiri. Tidak dinafikan guru memberikan perhatian yang penuh ke atas setiap individu di dalam kelas tersebut. Selain itu, guru juga mengajar dengan menggunakan kaedah berpusatkan kepada pelajar.

Pemerhatian yang begitu tinggi mewujudkan rasa kasih sayang dan mesra di kalangan pelajar. Dengan itu guru boleh mendapatkan perhatian pelajar mereka. Pendapat ini sejajar dengan pendapat Abu Zahari (1992), iaitu suasana yang riang dan selesa serta bersih menjadi dorongan kepada murid-murid untuk mengekalkan penumpuan terhadap pembelajaran bilik darjah.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan purata min bagi persoalan kajian ini ialah 3.41 berkedudukan pada tahap sederhana. Berdasarkan kepada purata min kebanyakan guru-guru Pendidikan Khas tidak mempunyai banyak masalah dalam kemudahan fizikal dan bahan pengajaran

Permasalahan berkaitan dengan bahan pengajaran, guru-guru pendidikan Khas ini bemasalah untuk membina alat bantu mengajar dengan menggunakan kreativiti sendiri tanpa bantuan orang lain. Perkara ini mungkin disebabkan kebanyakan guru-guru ini tidak mempunyai pendedahan yang cukup untuk membuat alat bantu mengajar bagi pelajar-pelajar Pendidikan Khas ini, serta kurangnya alat bantu mengajar yang disediakan oleh pihak lain. Menurut Mat Nor Husin (1988), yang menyatakan jika alat bantu mengajar digunakan dengan cara yang betul dan sesuai didalam sesuatu situasi pengajaran, objektif ini boleh dicapai iaitu menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep dan boleh menghasilkan pembelajaran yang kekal.

Kemudahan fizikal bengkel yang lengkap adalah merupakan faktor terpenting bagi mencapai matlamat pelaksanaan mata pelajaran kemahiran hidup, pernyataan ini adalah selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ahmad Bakar (1991), yang menyebut bahawa selain daripada kaedah penyampaian guru dan alat bantu mengajar, kemudahan fizikal merupakan faktor penting dalam member kesan kepada pelaksanaan mata pelajaran kemahiran hidup.

Berdasarkan kajian yang telah di jalankan, pengetahuan dan kemahiran guru merupakan faktor utama dalam proses Pengajaran dan pembelajaran. Guru pendidikan khas yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi akan dapat melahirkan pelajar yang cemerlang. Hasil daripada kajian ini mendapati tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Khas berada pada tahap sederhana.

Hasil kajian ini, menunjukkan responden amat memerlukan latihan dan bengkel tambahan untuk memajukan diri dalam pengajaran Kemahiran Hidup. Ini mungkin disebabkan, kebanyakan responden tidak mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang Pendidikan Khas dan sukar untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar ini. Berdasarkan kajian, menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran akan dapat melakukan pengajaran yang berkesan dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan sistematik, dapat menerangkan sesuatu fakta dengan jelas dan mendapat latihan yang secukupnya. Pendapat ini turut disokong oleh Girard (1972).

Rujukan

- Asmah Hj Ahmad (1989). *Pedagogi 1*, Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Atan Long (1982). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chua Tee Tee, Koh Boh Boon (1992). *Pendidikan Khas dan Pemulihan Bacaan Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Draf Kemahiran Hidup Program Bersepadu (1991). Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ee Ah Meng (1989). *Pedagogi Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti
- Fowzia Othman (1995). *Penilaian Program Peralihan Kemahiran Hidup (Pilihan B) Tingkatan Satu Di Wilayah Persekutuan*. Jurnal Berita Pendidikan: 95-112

- Gay, L.R (1981), *Education Research 2nd Edition* London : A Bell & Howell Company.
- Ismail Sajat (1996). *Masalah Pelaksanaan Kemahiran Hidup di SMK dan SMA Di Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan*. Projek Sarjana Muda, UTM: Tidak diterbitkan
- Kamal Basha Madarsha (1986). *Professionalism, Idealism and Practies An Analysis of Students Respondes On Faculty's Teaching Behavior*. Tesis Sarjana, UTM: Tidak diterbitkan.
- Kamus Dewan, Edisi Baru (1991). Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet, Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979 (1978). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mok Soon Sang (1992). *Pemulihan, Pengayaan dan Isu Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1991). “ *Guru dan Perguruan*”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Idris (1991).*Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Panduan Menulis Tesis UTM (1999). Universiti Teknologi Malaysia : Skudai Panel Latihan Unit Pendidikan Khas. *Pengurusan Bilik Darjah Pendidikan Khas*. Unit Pendidikan Khas Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Negeri Johor : Tidak diterbitkan
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur : Dew Bahasa dan Pustaka
- Wiersma, W (2000) *Research Methods In Education: An Introduction 7th Ed* Boston : Allyn & Bacon.
- Zainal Abidin B Deen (1986) “ *Pentadbiran & Pengeloaan Pendidikan Pemulihan di Peringkat Negeri , Sekolah* : Bahagian Sekolah-sekolah, KPM